

Headline	Pasar herba perlu diwujudkan untuk tingkatkan penggunaan herba di pasaran		
MediaTitle	Utusan Borneo Sabah		
Date	04 Nov 2015	Color	Black/white
Section	Business & Finance	Circulation	45,554
Page No	B12	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	99 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 174
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 522



Pasar herba perlu diwujudkan untuk tingkatkan penggunaan herba di pasaran premium

PUTRAJAYA: Pasar herba, yang menjadi pusat sehenti menempatkan segala jenis herba berkualiti di Malaysia, dicadang diwujudkan di lokasi strategik untuk pasaran premium.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata industri herba tidak lagi harus dianggap sebagai perubahan alternatif yang sering

dikaitkan dengan tempat-tempat menengah atau bawah seperti di pasar-pasar.

“Pasar (herba) ini tidak seperti pasar biasa, kita mahukan ianya selesa dengan penyaman udara seperti kedai ginseng yang ada di pusat membeli-belah terkemuka negara,” katanya kepada media selepas merasmikan **Persidangan Industri Herba 2015** di sini kelmarin.

Ahmad Shabery berkata kementerianya dan **Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)** akan berusaha untuk melahirkan satu atau dua juara herba yang boleh menjadi daya penarik orang ramai mempercayai produk dan rawatan herba yang lain di Malaysia.

“Kita telah mengenal pasti herba seperti Tongkat Ali dan Belalai Gajah yang berpotensi

untuk dijadikan juara di kalangan pasaran herba di dunia,” tambahnya.

Sementara itu, **Ketua Pengarah FRIM Datuk Dr Abdul Latif Mohmod** berkata setakat ini pihaknya telah berjaya mengenal pasti 6,570 peserta industri herba termasuk pembekal, penanam, pengilang, pemborong dan peruncit. - Bernama